



KONSEP KERAKYATAN ORANG BUKAN ISLAM DALAM POLITIK ISLAM MODEN: SATU KAJIAN BERDASARKAN FIQH AHL DHIMMAH*

Oleh:

Dr. Hj. Ahmad Zaharuddin Sani Ahmad Sabri, BKM, ACE**

Muhammad Adli Musa***

Dibentangkan oleh :

Rumaizi bin Ahmad

Timbalan Pengerusi PUM cawangan Selangor

PENDAHULUAN

Pembentukan negara berteraskan ajaran Islam merupakan satu tuntutan. Ia termasuk dalam perkara tuntutan Fardu Kifayah. Kepentingan pembentukan negara Islam ada kaitannya dengan pelaksanaan syariat, kerana syariat tidak dapat dilaksanakan tanpa ada negara dan kedaulatan politik. Tuntutan pelaksanaan syariat adalah wajib atas umat Islam, maka mewujudkan negara berteraskan ajaran Islam adalah dianggap sesuatu yang wajib.

Penggunaan Istilah Negara Islam "*al-Dawlah Islamiyyah*" atau "*al-Hukumah al-Islamiyyah*" tidak terdapat dalam al-Qur'an. Istilah ini merupakan satu istilah baru yang mula diperkenalkan oleh Muhammad Rashid Rida dalam bukunya, "*Caliphate and the Great Immate*".

Tidak pernah wujud istilah daulah dalam teks al-Qur'an mahupun al-Hadis. Walau bagaimanapun ini bukan bererti tidak ada perintah untuk mendirikan negara berteraskan ajaran Islam. Jika kita perhatikan teks al-Qur'an mahupun al-Hadis secara teliti, dan dengan pemikiran tanpa kebejatan (*al-fikr al-mustanir*), kita akan menemui petunjuk -petunjuk yang jelas tentang kewajipan mendirikan negara Islam. Allah swt berfirman:

* Kertas kerja ini dibentangkan dalam Simposium Fiqh Masyarakat Bukan Islam di Malaysia, anjuran Persatuan Ulama' Malaysia Cawangan Selangor (PUMSel), Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) dan Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), 23-24 Disember 2009, bertempat di Dewan Annex, Bangunan Dewan Undangan Negeri Selangor, Shah Alam., Selangor Darul Ehsan.

** Honorary Visiting Academician, National Centre for Excellence in Islamic Studies & Asia Institute, Faculty of Arts, University of Melbourne

*** Felo Akademik, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Calon PhD (Pengajian Islam) Asia Institute, Faculty of Arts, University of Melbourne



يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِي الْأَمْرِ
مِنْكُمْ

"Hai orang-orang yang beriman, taatilah Allah, dan taatilah Rasul-Nya, dan ulil amri dari kamu sekalian"

(Surah al-Nisa': 59)

Ulil amri di sini bermaksud pemimpin yang berstatus penguasa, bukan sekadar pemimpin biasa. Dalam tinjauan bahasa Arab, jika istilah *ulil amri* itu dicelahi dengan idiom *min* (dari/bahagian) menjadi *ulil minal amri*, maka ia merujuk kepada pemimpin-pemimpin dalam ruang yang sempit (keluarga, organisasi, pengadilan, dll). Sedangkan kewajiban pemimpin tersebut untuk hanya menerapkan syariat Islam saja, tidak syariat yang lain, ditegaskan oleh Rasulullah saw dalam Hadis riwayat al-Bukhari, Muslim, Ahmad, an-Nasa'i, dan Ibnu Majah yang berasal dari 'Ubadah bin al-Shamit:

دعانا رسول الله صلى الله عليه وسلم فبايعناه. فكان فيما أخذ
علينا، أن بايعنا على السمع والطاعة، في منشطنا ومكرهنا،
وعسرنا ويسرنا، وأثرة علينا. وأن لا ننازع الأمر أهله. قال:
إلا أن تروا كفرا بواحا عندكم من الله فيه برهان

"Kami membai'ah Rasulullah saw untuk mendengar dan mentaatinya dalam keadaan suka mahupun terpaksa, dalam keadaan sempit mahupun lapang, serta dalam hal yang tidak mendahulukan urusan kami (lebih dari urusan agama), juga agar kami tidak merebut kekuasaan dari seorang pemimpin, kecuali (sabda Rasulullah): 'Kalau kalian melihat kekufuran yang mulai nampak secara terang-terangan (kufr bawwahan), yang dapat dibuktikan berdasarkan keterangan dari Allah'."

Menurut Imam Nawawi, yang dimaksudkan dengan *al-kufr* dalam Hadis tersebut adalah kemaksiatan.

Allah swt berfirman:

أَفَحُكْمَ الْجَاهِلِيَّةِ يَبْغُونَ وَمَنْ أَحْسَنُ مِنَ اللَّهِ حُكْمًا لِّقَوْمٍ يُوقِنُونَ
"Apakah undang-undang Jahilliyah yang mereka kehendaki, dan (undang-undang) siapakah yang lebih baik daripada (undang-undang) Allah bagi orang-orang yang yakin"

(QS al-Maidah: 50)

Abdul Qadim Zallum mengolah ayat di atas: "Undang-undang Jahilliyah adalah undang-undang yang tidak dibawa oleh Rasulullah saw dari Tuhannya. Undang-undang Jahilliyah adalah undang-undang kufur yang dibuat oleh manusia".³



Pada ayat yang lain Allah swt berfirman:

فَأَحْكُم بَيْنَهُم بِمَا أَنْزَلَ اللَّهُ وَلَا تَتَّبِعْ أَهْوَاءَهُمْ عَمَّا جَاءَكَ مِنَ الْحَقِّ

"Maka putuskanlah perkara di antara manusia dengan apa yang telah diturunkan Allah. Dan janganlah engkau menuruti hawa nafsu mereka dengan meninggalkan kebenaran yang telah datang kepadamu"

(QS al-Maidah: 48)

Perintah untuk memutuskan semua perkara (termasuk urusan kenegaraan) menurut syariat Islam ini tidak hanya ditujukan kepada Rasulullah saw, tetapi juga ditujukan kepada seluruh umatnya kerana tidak ada ayat lain dalam al-Qur'an mahupun al-Hadis yang mengkhususkan perintah tersebut hanya untuk Rasulullah saw.

Dengan demikian jelaslah bahwa Islam menggariskan kewajipan untuk menegakkan kekuasaan yang berlandaskan syariat Islam.

PEMBENTUKAN NEGARA ISLAM

Dalam sastera klasik tidak akan dijumpai tatacara mendirikan sebuah negara Islam. Kitab-kitab tersebut disusun ketika Kekhalifahan Islam masih berdiri kukuh sehingga tidak terlintas sedikitpun di benak para penulisnya bahwa pada suatu masa kekhalifahan itu akan runtuh dan diperlukan kekuatan untuk mendirikannya semula.

Karya-karya klasik seperti *Ma'afiru al-Inafah fi Ma'alim al-Khilafah* karya Imam al-Qasasyandi, *al-Ahkam al-Sultaniyyah* oleh Imam Mawardi, *al-Ahkam al-Sultaniyyah* oleh Abu Ya'la al-Fara, dan *al-Kharaj* oleh al-Qadi Abu Yusuf, banyak berbicara tentang perjalanan kenegaraan Khilafah Islamiyah dan bukan cara mendirikannya. Tetapi yang jelas, karya-karya tersebut menyajikan fakta tentang kewujudan negara Islam.

Para ulama yang membincangkan teori politik Islam selalunya meletakkannya di bawah tajuk *al-siyasah wa al-imamah*, *al-ahkam al-sultaniyyah*, *al-siyasah al-shar'iyah*, *nizam al-hukm fi al-Islam* atau *nizam al-siyasah fi al-Islam*.

Dalam tulisan ulama tradisional tidak didapati takrif negara Islam. Apa yang mereka nyatakan ialah ciri-cirinya, seperti perbincangan mereka tentang ketua negara, syarat-syaratnya, cara pemilihannya, tugasnya dan perkara-perkara lain yang ada kaitan dengan pentadbiran negara. Tetapi sejak kebelakangan ini terdapat cendekiawan Islam yang cuba memberikan definisi negara Islam.

Mawdudi mentakrifkan negara Islam sebagai negara yang meletakkan kuasa mutlaknya kepada Allah swt untuk menentukan syariatnya dan syariat itu dibawa oleh Nabi Muhammad s.a.w. Ia sebuah negara yang bercorak *theo - democracy* yang tergabung di dalamnya autoriti mutlak pada Allah swt dan penyerahan autoriti yang terbatas kepada manusia dalam perlaksanaan urusan negara yang diakui oleh syara'.



Ayatullah Khomeini pula menegaskan bahawa negara Islam tidak ada sebarang persamaan dengan mana-mana sistem kerajaan yang ada. Negara Islam bukanlah autokratik dan tidak menjadikan ketuanya berkuasa penuh sehingga membolehkannya membuat sesuka hati terhadap nyawa dan harta benda rakyat.

Menurut beliau lagi sesebuah negara Islam bebas daripada *dispotisme*. Ia adalah negara berperlembagaan tetapi bukan dalam erti kata moden iaitu perlembagaan yang ditafsirkan oleh Parlimen atau badan-badan perwakilan awam.

Secara amanya negara Islam ialah negara berperlembagaan dalam ertikata bahawa sesiapa yang bertanggungjawab menguruskannya terikat kepada undang-undang dan syrat-syarat yang ditetapkan di dalam al-Qur'an dan al-Sunnah.

Abu Zahrah dalam membincangkan perbezaan konsep negara Islam dan bukan Islam membawa beberapa pandangan ulama yang terkenal antaranya pandangan Abu Hanifah yang berpendapat bahawa negara bukan Islam adalah negara yang memenuhi tiga syarat:

1. Hukum bukan Islam dilaksanakan di negeri tersebut seperti amalan riba, arak, judi dan babi.
2. Negera itu tidak mempunyai perhubungan langsung dengan orang Islam. Malah dari segi geografinya terhalang daripada negara Islam. Jika wilayah bukan Islam itu ada hubungan dan dikelilingi oleh kawasan Islam ia bukannya *Dar al-harb*.
3. Tidak ada di sana seorang Muslim mahupun dhimmi yang boleh hidup dalam keamanan sebagaimana keamanan negara Islam awal.

Ironinya, Abu Hanifah berpendapat negara Islam ialah negara yang melaksanakan hukum Islam atau, orang Islam atau dhimmi berada di bawah pemerintahan Islam atau pemerintah Islam. Abu Yusuf, Muhammad dan sesetengah fuqaha' yang lain berpendapat bahawa penentuan samada sesebuah negara adalah negara Islam ataupun tidak ialah terletak pada perlaksanaan hukum Islam. Ini bermaksud jika hukum Islam dilaksanakan maka ia dianggap sebuah negara Islam dan jika tidak ia bukan sebuah negara Islam. Alasan mereka ialah hakikat pembentukan negara adalah berteraskan Islam ataupun kufur; dinamakan negara Islam jika hukum dan sistem Islam berkuatkuasa dan dinamakan negara bukan Islam jika hukum dan sistem bukan Islam dilaksanakan.

Berdasarkan huraian di atas Abu Zahrah membuat kesimpulan bahawa terdapat dua aliran pentafsiran fuqaha' tentang negara Islam dan bukan Islam:

1. Negara Islam dinisbahkan kepada perjalanan dan perlaksanaan hukum Islam dan sistemnya, kalau tidak ianya bukan negara Islam.
2. Negara Islam diasaskan kepada suasana keamanan Muslim dan kawasannya. Sekiranya orang Islam mendapat keamanan sebagaimana keamanan negara Islam awal maka ia adalah negara Islam.



MALAYSIA SEBUAH NEGARA ISLAM

Berdasarkan kepada pandangan Abu Zahrah yang menyandarkan ciri-ciri negara Islam kepada majoriti penduduknya Muslim dan suasana keamanan, maka Malaysia boleh dianggap sebuah negara Islam, bukan sahaja dinilai dari segi penduduknya majoriti Muslim dan keamanan yang dikecapi, tetapi juga dilihat daripada pengalaman sejarah, kedudukan undang-undangnya serta kepimpinannya.

Abu Zahrah lebih cenderung kepada pendapat Abu Hanifah dan ulama yang sependapat dengannya. Beliau menganggap semua negara di mana penduduk Muslim adalah majoriti adalah negara Islam sekalipun undang-undang Islam tidak dilaksanakan. Walau bagaimanapun beliau tetap mengharapkan bahawa hukum al-Qur'an dan al-Sunnah terlaksana di seluruh negara Islam supaya negara Islam tersebut sempurna mengikut pendapat ijma' bukan mengikut pendapat seorang faqih sahaja sekalipun ia seorang yang hebat. Berdasarkan pandangan Abu Hanifah beliau mengakui bahawa negara Islam merangkumi kawasan daripada Maghribi sebelah barat sehingga Turkistan dan Pakistan di timur.

KERAKYATAN NEGARA ISLAM

Kerakyatan negara Islam diasaskan di atas dua asas;

1. Kepercayaan agama
2. Ikatan perjanjian kemasyarakatan di mana seseorang itu berada.

Kerakyatan bagi Muslim ialah kerana kepercayaan agama dan bagi bukan Muslim kerakyatannya melalui ikatan perjanjian kemasyarakatan yang dipanggil '*Aqd al-Dhimmah*'. Dengan perjanjian ini mereka menjadi rakyat negara Islam sebagaimana seorang Muslim yang mendapat hak dan menanggung tanggungjawab.

Adapun golongan bukan Islam yang datang ke negara Islam untuk mendapat perlindungan, maka mereka diletakkan di bawah perjanjian khas yang dipanggil '*Aqd al-Musta'min*'. Dengan perjanjian ini mereka diberi perlindungan dan mereka hidup mengikut ajaran agama masing-masing.

Golongan bukan Islam yang mendapat taraf kerakyatan diberi kebebasan bersuara dan memberi pendapat, bebas beragama, boleh melakukan ibadat di rumah mereka dan menghayati syiar agama masing-masing. Mereka boleh mengikut ajaran agama masing-masing dalam bidang muamalat dan ritual selama mana mereka tidak membawa sebarang masalah atau pertikaian kepada pihak Islam.

KEWAJIPAN PEMERINTAHAN ISLAM

Pemerintahan Islam berkewajipan melindungi nyawa dan harta rakyat bukan Islam daripada pencerobohi. Kalau ia diceroboh, hukuman qisas dikenakan atas penjenayah,



dibayar ganti rugi kepadanya jika berlaku pembunuhan. Jika jenayah melibatkan harta dibayar ganti rugi atau dipulangkan jika masih ada.

Pemerintahan Islam juga berkewajipan melindungi mereka daripada serangan luar. Mereka berhak mendapat tempat tinggal, hak bermaustatin, hak berpindah dalam negara Islam selain daripada Makkah dan Semenanjung Tanah Arab secara amnya.

Perempuan mereka dibenarkan berkahwin dengan lelaki Muslim dan sembelihan mereka harus dimakan jika mereka daripada golongan Ahli Kitab. Mereka boleh mewarisi harta di antara mereka dan saksi mereka diterima dalam keadaan darurat dan mereka tertakluk kepada hukuman jenayah Islam.

Mereka diminta supaya menjaga kedudukan masyarakat Islam supaya tidak terganggu dan menjaga keamanan dalam negeri dan daripada gangguan pihak luar. Mereka tidak dibenarkan memperdaya Muslim supaya menganut agama mereka atau menghalang kafir dhimmi daripada menganut Islam. Mereka ditegah daripada mendedahkan perbuatan mungkar dalam semua bentuknya, atau membina rumah ibadat lain daripada tempat yang telah dipersetujui.

Golongan kafir dhimmi ini merangkumi penganut Yahudi, Kristian dan Majusi. Demikian juga kaum musyrik selain daripada musyrik Arab. Ibn al-Qaiyyim dalam mengulas pandangan mereka yang berpendapat bahawa orang musyrik termasuk dalam golongan kafir dhimmi berkata bahawa hukum tentang Ahli Kitab diambil daripada al-Qur'an dan hukum tentang semua golongan kafir diambil daripada al-Sunnah. Rasulullah saw mengambil *jizyah* daripada orang Majusi yang menyembah api, dan dari sudut kepercayaan tiada beza antara mereka dengan golongan musyrik yang lain.

Masalah hak minoriti telah lama diperdebatkan oleh generasi pertama umat Islam. Buku yang pertama kali muncul bersangkutan masalah ini adalah al-Majmu' fi al-Fiqh karya Zayd bin Ali (w. 122 H). Sejak itu buku-buku fiqh Islam tidak pernah terlepas daripada membicarakan hak-hak antarabangsa di bawah tajuk Bab *al-Sayr*.

Sebenarnya, hak-hak asasi manusia, Muslim mahupun tidak, bukan berasal dari hasil ijtihad ulama terdahulu, tetapi lebih daripada itu ia bersumberkan hikmah dan keadilan ilahi. Oleh itu, ia berkaitan erat dengan masalah keimanan. Kerana itu juga hak-hak dan kewajiban tersebut tidak boleh dipengaruhi oleh akibat perlakuan tidak baik terhadap minoriti Muslim di luar Negara Islam. Maka, tidak boleh bagi Negara Islam untuk memperlakukan minoriti bukan-Muslim sewenang-wenangnya sebagai tindak balas setimpal, selama itu menyangkut perlecehan hak-hak orang lain yang ditetapkan oleh Islam.

Pelaksanaan hak-hak tersebut hendaknya bukan atas dasar belas kasihan majoriti terhadap minoriti, bahkan berdasarkan ketetapan Tuhan. Oleh itu, penggunaan istilah



“toleransi” dalam hubungan Muslim dan bukan Muslim adalah kurang tepat. Padahal, tuntutan ini berkait rapat dengan keimanan seseorang yang tiada tolak ansur.

Secara amalnya, pelaksanaan hak-hak tersebut masih banyak mengalami hambatan kerana fiqh Islam masih menjadikan pembahagian wilayah kepada Dar al-Islam dan Dar al-Harb, di mana yang menjadi pemisah antara keduanya adalah keimanan. Berdasarkan pembahagian ini, fuqaha’ mengklasifikasikan masyarakat kepada empat kelompok, iaitu: di dalam negeri Islam (Dar al-Islam) menjadi (i) muslim dan; (ii) dhimmi, dan di luar negeri Islam (Dar al-Harb) menjadi (iii) musta’min (yang memilih perjanjian damai) dan; (iv) muharib (yang selalu ingin memerangi).

PRINSIP-PRINSIP NEGARA ISLAM

Negara islam ditegakkan di atas empat prinsip yang penting

1. Prinsip Syura
2. Prinsip Keadilan
3. Kebebasan
4. Persamaan

1. Prinsip Syura (Consultation)

Asas kepada prinsip syura ini ialah firman Allah swt:

وَشَاوِرْهُمْ فِي الْأَمْرِ

“Bermesyuaratlah dengan mereka dalam satu-satu urusan”

(Surah Ali ‘Imran: 159)

dan firmanNya:

وَأْمُرْهُمْ شُورَىٰ بَيْنَهُمْ

“Dan urusan mereka hendaklah bermesyuarat di antara mereka”

(Surah al-Syura: 38)

Ayat-ayat ini memerintahkan supaya bermesyuarat dalam perkara yang melibatkan urusan umat Islam. Rasulullah saw mengamalkan prinsip; baginda bermesyuarat dengan sahabat-sahabatnya dalam urusan-urusan kepentingan umat dan negara seperti dalam peristiwa peperangan Badar dan Uhud. Demikian juga amalan para sahabat, Abu Bakar al-Siddiq bermesyuarat untuk mengambil tindakan ke atas orang-orang murtad, Umar-Khattab bermesyuarat untuk menyelesaikan tanah rampasan perang. Mereka juga bermesyuarat untuk mengambil keputusan mengumpul, menyalin dan menyusun al-Qur’an.

Jelaslah bahawa amalan prinsip syura ini adalah lumrah dalam kepimpinan Islam pada segenap peringkat.

2. Prinsip Keadilan (Justice)



Keadilan yang dimaksudkan di sini ialah keadilan mutlak yang digariskan oleh Islam yang mengatasi segala kepentingan peribadi, keluarga, kelompok dan sebagainya, sekalipun terhadap musuh dan terhadap golongan bukan Muslim. Allah swt berfirman:

وَإِذَا قُلْتُمْ فَاعْدِلُوا وَلَوْ كَانَ ذَا قُرْبَىٰ وَبِعَهْدِ اللَّهِ أَوْفُوا ذَلِكُمْ
وَصَدَّكُمْ بِهِ لَعَلَّكُمْ تَتَذَكَّرُونَ

“Apabila kamu memberi saksi hendaklah dengan adil sekalipun hal itu mengenai keluarga. Janji Tuhan hendaklah kamu patuhi. Itulah yang dipertingkatkan kepada kamu, mudah-mudahan kamu ingat”

(Surah al-An’am: 152)

Imam Ahmad meriwayatkan bahawa Rasulullah saw bersabda:

من أذى ذمياً فأنا خصمه يوم القيامة

“Siapa yang menyakiti Dhimmi akulah musuhnya pada hari Kiamat”

Maka prinsip keadilan ini menjadi asas dalam amalan pemerintahan Islam yang melibatkan seluruh golongan dalam masyarakat.

3. Kebebasan (Freedom)

Prinsip kebebasan juga menjadi asas amalan dalam pemerintahan Islam. Kebebasan itu diberikan kepada rakyat yang tunduk dibawah pemerintahan Islam sama ada Muslim ataupun tidak. Oleh sebab manusia diberi hak kebebasan memilih maka setiap individu menikmati hak ini. Islam memberi kebebasan beragama, kebebasan dalam memiliki harta dan kebebasan bergerak dan berpindah.

Kebebasan bersuara dan memberi padangan hendaklah dalam ruang yang tidak mencabuli kepentingan undang-undang syara’ dan ketenteraman kehidupan masyarakat yang menjadi asas kepada undang-undang negara. Kebebasan bersuara yang tidak terkawal akan menjejaskan autoriti dan masyarakat Islam. Kebebasan itu adalah terikat dengan falsafah negara, sistem politik dan perundangannya. Lantaran itu mereka yang murtad dalam negara Islam dianggap sebagai pengkhianat (*traitor*).

Kebebasan Syakhsiah

Kebebasan ini bermaksud Islam memberi hak kepada setiap individu untuk melakukan apa sahaja untuk kemaslahatan dirinya, seperti memelihara keselamatan diri, harta dan maruah dengan syarat tindakannya itu tidak mendatangkan kemudaratan kepada orang lain. Ini termasuklah kebebasan diri, kebebasan tempat tinggal, kebebasan pemilikan, kebebasan kepercayaan, kebebasan berfikir dan kebebasan belajar. Maka untuk menjamin hak-hak ini maka Islam mengiktiraf dan memeliharanya dan merupakan hak yang sayugia di berikan oleh pemerintah kepada rakyatnya sama ada Islam atau ahli dhimmah.

Kebebasan Peribadi



Islam mengiktiraf hak-hak ini dan memelihara setiap hak individu daripada dicerobohi oleh orang lain dengan menentukan batas-batas halal dan haram, perintah dan larangan yang berkaitan dengan memelihara keperibadian setiap individu seperti diharamkan membuat tuduhan palsu, membunuh dan sebagainya dengan ditentukan hukuman yang setimpal. Ada hukuman yang telah ditentukan oleh syara' dan ada yang diserahkan kepada pemimpin untuk menentukan bentuk hukuman yang sesuai yang dinamakan *ta'zir*. Setiap jenayah merupakan pelanggaran terhadap batasan Allah dan hukumnya juga sabit dengan ketentuan syara'.

Begitu juga Islam memerintahkan agar hukuman dijatuhkan menurut kadar jenayah yang dilakukan. Dalam perkara ini Islam menentukan batas-batas kebebasan manusia dengan mengharamkan berzina, meminum arak, menuduh seseorang berzina, saksi palsu dan sebagainya. Kesemua kesalahan ini telah ditentukan hukumannya dan semua rakyat termasuklah ahli dhimmah tertakluk kepada hukum-hukum Islam yang berkaitan dengan perkara ini kecuali kesalahan meminum arak.

4. Persamaan (Equality)

Prinsip persamaan bermaksud bahawa setiap kaum adalah sama sebagai rakyat di antara satu sama lain dari segi hak, kebebasan dan tanggungjawab di hadapan undang-undang. Islam melaksanakan prinsip ini secara umum dalam kehidupan rakyat negara Islam tetapi terdapat perbezaan dalam beberapa perkara di antara rakyat yang mendokong negara dan rakyat yang tidak mendokong ideologi negara tetapi patuh kepada pimpinan negara.

Prinsip persamaan ini diterima oleh Islam dalam konteks penyelarasan dalam perhubungan manusia secara umum. Allah swt berfirman:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتْقَاكُمْ

"Hai manusia, sesungguhnya Kami jadikan kamu dari golongan lelaki dan perempuan. Kami jadikan kamu dari berbagai bangsa dan suku kaum, supaya kamu dari berkenalan, sesungguhnya yang paling mulia di antara kamu disisi Tuhan ialah bertaqwa"

(Surah al-Hujurat: 13)

Manusia tidak ada bezanya di antara satu dengan yang lain di sisi Allah dari segi keturunan, warna kulit, bahasa dan kebudayaan, tapi perbezaan itu terletak pada ketaqwaannya.

Rasullah s.a.w. bersabda:

لا فضل لعربي على عجمي ، ولا لعجمي على عربي ، ولا لأبيض على أسود ، ولا لأسود على أبيض : إلا بالتقوى ، الناس من آدم ، وآدم من تراب



“Tiada kelebihan bagi seorang Arab atas seorang bukan Arab, seorang bukan Arab atas seorang Arab, seorang (berkulit) putih atas seorang (berkulit) hitam dan seorang (berkulit) hitam atas seorang (berkulit) putih, kecuali dengan taqwa. Manusia itu daripada Adam dan Adam (dicipta) daripada tanah”

Berdasarkan prinsip inilah Rasulullah saw menegaskan bahawa tiada perbezaan dalam pelaksanaan undang-undang:

والذي نفس محمد بيده ، لو أن فاطمة بنت محمد سرقت لقطعت يدها
“Demi nyawa Muhammad yang berada dalam tangannya, sekiranya Fatimah mencuri akan aku potong tangannya”

Dan Rasulullah saw pernah melaksanakan hukum rejam kerana kesalahan berzina ke atas Muslim dan bukan Muslim.

Syiar persamaan hak merupakan syiar yang nyata dalam Islam . Islam tidak membezakan antara seseorang dengan seseorang yang lain sama ada rakyat mahupun pemerintah. Kesemuanya adalah sama di hadapan perintah Allah dan hukum-hukumNya. Persamaan ini juga merupakan hak-hak ahli dhimmah yang dipelihara oleh syara'. Walau bagaimanapun dalam kes-kes tertentu seperti menjadi pemimpin dan melantik pemimpin maka ahli dhimmah tidak dibenarkan.

Ini ialah kerana sistem pemerintahan Islam berbeza dengan sistem pemerintahan sekular, yang menjadikan asas-asas taqwa dan ijtihad sebagai syarat menjadi *Ahli al-Hall wa al-'Aqd* dan pemimpin.

Walaupun begitu rakyat bukan Islam berhak melantik wakil-wakil mereka diperingkat pelaksanaan bagi menuntut hak-hak mereka dan mereka juga dibenarkan untuk menggubal perundangan yang berkaitan dengan masyarakat mereka seperti dalam hal-hal yang berkaitan dengan perkahwinan.

HAK BUKAN ISLAM

Islam memiliki konsep yang menghargai hak-hak minoriti sebagai sebahagian daripada warganegara yang sama-sama memiliki hak dan kewajiban bersama. Hal ini ditegaskan oleh Allah swt:

لَا يَنْهَاكُمُ اللَّهُ عَنِ الَّذِينَ لَمْ يُقَاتِلُوكُمْ فِي الدِّينِ وَلَمْ يُخْرِجُوكُمْ مِّنْ دِيَارِكُمْ أَنْ تَبَرُّوهُمْ وَنُقَسِطُوا إِلَيْهِمْ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُقْسِطِينَ *
إِنَّمَا يَنْهَاكُمُ اللَّهُ عَنِ الَّذِينَ قَاتَلُوكُمْ فِي الدِّينِ وَأَخْرَجُوكُمْ مِّنْ دِيَارِكُمْ وَظَاهَرُوا عَلَىٰ إِخْرَاجِكُمْ أَنْ تَوَلَّوْهُمْ وَمِنْ يَتَوَلَّهُمْ فَوَلَّيْنَاكَ هُمُ الظَّالِمُونَ



“Allah tidak melarang kamu untuk berbuat baik dan berlaku adil terhadap orang-orang yang tidak memerangimu karena agama dan tidak pula menghalau kamu dan negerimu. Sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang berlaku adil. Sesungguhnya Allah hanya melarang kamu menjadikan sebagai kawanmu orang-orang yang memerangi kamu karena agama dan menghalau kamu dari negerimu dan membantu orang lain untuk menghalaumu. Dan sesiapa menjadikan mereka sebagai kawan, maka mereka itulah orang-orang yang zalim”

(Surah al-Mumtahanah: 8-9).

Pesanan moral tersebut sangat jelas menggambarkan bahawa konsep bernegara dalam Islam sangat menghargai hubungan antara golongan minoriti, hak-haknya kepada negara, dan sebaliknya.

Islam turut mengiktiraf hak kebebasan beri'tiqad rakyat bukan Islam untuk meneruskan kepercayaan mereka sebagaimana firman Allah:

لَا إِكْرَاهَ فِي الدِّينِ قَدْ تَبَيَّنَ الرُّشْدُ مِنَ الْغَيِّ فَمَنْ يَكْفُرْ بِالطَّاغُوتِ
وَيُؤْمِنَ بِاللَّهِ فَقَدِ اسْتَمْسَكَ بِالْعُرْوَةِ الْوُثْقَىٰ لَا انفِصَامَ لَهَا وَاللَّهُ
سَمِيعٌ عَلِيمٌ

“Tidak ada paksaan dalam agama (Islam), kerana sesungguhnya telah nyata kebenaran (Islam) dari kesesatan (kufur). Oleh itu, sesiapa yang tidak percayakan Taghut, dan ia pula beriman kepada Allah, maka sesungguhnya ia telah berpegang kepada simpulan (tali ugama) yang teguh yang tidak akan putus. Dan (ingatlah), Allah Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui”

(Surah al-Baqarah: 256)

Ini ialah kerana asas keIslaman ialah kejelasan dan penerimaan tanpa paksaan atau taqlid.

Lantaran itu Islam membenarkan penganut agama lain melaksanakan amalan keagamaan mereka ditempat-tempat ibadat mereka dan menzahirkan perayaan mereka ditempat-tempat mereka. Menurut Al-Mawdudi lagi, walau bagaimanapun mereka tidak dibenarkan membina tempat ibadah baru di dalam tanah Islam atau menzahirkan perayaan mereka di sana.

Sebelum berbicara lanjut mengenai hak minoriti, kita akan terlebih dahulu membicarakan hak asasi manusia sebagai nilai universal yang merangkumi manusia secara menyeluruh. Sebelum lahirnya demokrasi sebagai sistem yang memberikan hak asasi dan kemerdekaan kepada seluruh rakyat, telah ada jauh sebelum itu prinsip-prinsip dasar yang dipraktikkan oleh Islam pada masa-masa terdahulu, baik pada masa Rasulullah saw mahupun khulafa' al-Rasyidun.

Namun dengan perkembangan masa kini, pemahaman terhadap hal tersebut terus berkembang dan akhirnya melahirkan suatu kesimpulan yang dideklarasikan di



Karachi Pakistan mengenai prinsip-prinsip hak asasi manusia dalam berbangsa dan bernegara pada tarikh 21-24 Januari 1951 yang antara lain menyebut:

1. Warganegara berhak atas segala sesuatu yang telah diberikan oleh negara, iaitu kebebasan beragama, berpendapat, berfikir, mengeluarkan pendapat, kemerdekaan bekerja, serta hak mendapatkan pelayanan masyarakat.
2. Tidak ada sesuatu pun yang dapat menghalangi mereka dalam memenuhi ketentuan diatas kecuali atas dasar undang-undang dan mereka berhak mendapatkan pembelaan di mahkamah.
3. Aliran pemikiran Islam yang diakui negara memiliki hak untuk menyebarkan ajarannya kepada para pemeluknya. Hal-hal yang berkenaan dengan hak antara individu dalam sesebuah masyarakat akan diatur sesuai dengan ketentuan hukum mereka masing-masing.
4. Warganegara yang bukan Muslim dalam batas undang-undang, memiliki kebebasan sepenuhnya dalam beragama dan beribadat sesuai dengan keyakinan mereka, mereka pun bebas dalam menjalankan kehidupan masing-masing sesuai dengan tradisi merkea.
5. Semua kewajiban Negara kepada warga bukan Muslim, dalam batas undang-undang adalah dihormati dan mereka memiliki hak yang sama dengan warganegara yang.

PEMERTINTAHAN MODEN DALAM MENGAPLIKASIKAN PIAGAM MADINAH

Piagam Madinah merupakan perlembagaan kerajaan Islam yang pertama yang ditulis sebagai asas pemerintahan yang menjadi sandaran pemerintahan Rasulullah saw dan hubungannya dengan rakyat yang terdiri daripada pelbagai kaum dan agama. Ianya merupakan implimentasi kepada asas-asas siasah yang bersesuaian dengan keperluan semasa dan syara'. Penulisan perlembagaan ini menggambarkan hakikat ketelusan pemerintahan Islam dan keadilannya.

Ironinya, adanya perlembagaan bertulis ini sesuai dengan tuntutan semasa, walaupun al-Quran telah wujud, menunjukkan kepada keperluannya bagi mentadbir sesebuah negara. Berikut ialah beberapa asas kerajaan moden yang terdapat dalam Piagam Madinah:

1. *Penyataan Mengenai Ummah dan Kerakyatan*

Piagam Madinah telah menggariskan pembentukan ummah, dan mentakrifkannya dengan menjadikan Islam sebagai asas kerakyatan dalam Dawlah Islamiyyah yang baru disamping menjelaskan hak-hak dan tanggungjawab rakyat sebagaimana berikut:

- Fasal 1: *Ini adalah tulisan daripada Muhammad seorang Nabi dan utusan Allah, di antara orang-orang beriman daripada Quraisy dan penduduk Yathrib dan sesiapa yang mengikuti mereka, yang bertemu mereka dan berjihad dengan mereka.*
- Fasal 2: *Mereka adalah satu ummah tanpa manusia lain.*



- Fasal 3: *Muhajirin daripada Quraisy di atas keadaan mereka, saling menjadi `aqilah antara mereka, mereka melepaskan tawanan mereka dengan makruf dan adil sesama mukminin.*

Begitu juga Piagam Madinah menyentuh mengenai kerakyatan orang bukan Islam dari kalangan penduduk Yahudi dan musyrikin Makkah yang datang ke Madinah, dengan menentukan hak-hak dan tanggungjawab mereka, sebagaimana dalam fasal berikut:

- Fasal 24: *Orang-orang Yahudi perlu mengeluarkan perbelanjaan peperangan bersama orang-orang yang beriman apabila mereka berperang.*
- Fasal 25: *Sesungguhnya Yahudi Bani 'Awf satu umat bersama orang-orang yang beriman, bagi Yahudi agama mereka dan bagi Muslimin agama mereka, hamba-hamba mereka dan diri mereka, melainkan sesiapa yang berlaku zalim sesungguhnya dia tidak membinasakan melainkan dirinya dan ahli keluarganya.*
- Fasal 26: *Dan bagi Yahudi Bani al-Najjar seperti apa yang menjadi hak dan tanggungjawab bani 'Awf*

2. Pernyataan Mengenai Peribadi Ketua Negara

Piagam Madinah menyatakan bahawa ketua kerajaan baru itu ialah Rasulullah saw. Baginda menjadi rujukan dalam menyelesaikan segala perselisihan dan bagindalah yang akan memelihara perkara-perkara yang termaktub dalam perlembagaan dan melaksanakan segala ketetapanannya.

Sebagaimana dalam Fasal 23: *Apabila kamu berselisih dalam apa perkara sekalipun maka rujukannya ialah kepada Allah dan Muhammad.* Begitu juga dalam Fasal 42.

3. Mengakui Dasar Keadilan dan Persamaan.

- Fasal 13: *Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan bertakwa, maka tangan mereka atas sesiapa yang melampauai batas di antara mereka, atau menuntut pemberian dengan cara yang zalim, dosa, permusuhan dan kemusnahan antara mukminin, maka tangan-tangan mereka diatas mereka semua walaupun keatas anak-anak salah seorang daripada mereka.*
- Fasal 16: *Sesungguhnya sesiapa dikalangan Yahudi yang mengikuti kami maka bagi mereka hak pertolongan dan persamaan, tidak dizalimi dan tidak akan bertolong-menolong menentang mereka.*

4. Pernyataan Dasar Perjanjian Perdamaian

- Fasal 45: *Apabila orang-orang beriman diajak berdamai, bercampur dan bersekutu, mereka (Yahudi) akan berdamai dan bersatu begitu juga sekiranya mereka (Yahudi) diajak berdamai dan bersatu maka menjadi tanggungjawab orang-orang beriman menerimanya melainkan ke atas mereka yang berperang kerana agama.*

5. Pernyataan Dasar Larangan Melakukan Perjanjian Secara Sendiri



- Fasal 17: *Bahawa perdamaian orang-orang yang beriman adalah satu. Seorang beriman tidak boleh membuat perdamaian tanpa mukmin yang lain dalam peperangan di jalan Allah, melainkan hendaklah atas dasar sama rata dan keadilan sesama mereka.*

6. *Penyataan Mengenai Dasar Dan Hak-hak Kejiranan*

- Fasal 40: *Sesungguhnya jiran seperti diri sendiri tidak dimudarati dan tidak dianiaya.*

7. *Dasar Takaful Dalam Melunaskan Hutang*

- Fasal 12, 25: *Tidak dibiarkan orang-orang yang beriman terbeban dengan hutang, melainkan tunaikanlah untuknya dan bantulah dia begitu juga Yahudi dengan Yahudi.*

8. *Dasar Berkaitan Keamanan Negara.*

- Fasal 24, 36: *Mempertahankan Madinah merupakan tanggungjawab semua penduduk dan mereka yang tinggal dibuminya.*

Adalah jelas bahawa Piagam Madinah telah meletakkan asas yang penting kepada pembentukan sesebuah kerajaan dengan menentukan kuasa perundangan, kuasa eksekutif dan kuasa kehakiman disamping menyatakan hak-hak dan tanggungjawab rakyat dan kerajaan.

Piagam Madinah merupakan asas sistem pemerintahan yang moden sebagaimana yang dilaksanakan pada hari ini. Walau bagaimanapun isi piagam Madinah adalah berasaskan keperluan semasa kerajaan Islam ketika itu tetrutamanya fasal-fasal perlembagaan yang berkaitan dengan penduduk Yahudi dan kabilah yang lain. Namun begitu ianya tidak terkeluar daripada memperuntukan tiga kuasa penting sebagaimana yang dinyatakan di atas.

KESIMPULAN DAN CADANGAN

Syariat Islam telah menggariskan asas-asas pemerintahan yang menjamin keadilan kepada manusia sejagat dan mampu memandu manusia mendapatkan kemaslahatan dan keperluan hidup mereka di mana sahaja mereka berada dan pada zaman mana mereka hidup. Sumber pemerintahan Islam iaitu al-Qur'an dan al-Sunnah, telah menggariskan asas-asas menyeluruh yang menjadi dasar kepada sistem dan pentadbiran sesebuah kerajaan.

Walaupun al-Qur'an tidak menaskan secara terperinci bentuk-bentuk atau cara-cara pelaksanaan sesuatu pemerintahan sebaliknya diberikan ruang kepada umat untuk menentukan bentuk pemerintahan yang sesuai dengan keperluan dan kemaslahatan mereka. Keadaan ini menjadikan syariat Islam lebih anjal dan dapat memenuhi keperluan manusia yang berubah-ubah disebabkan perubahan masa dan keadaan.

Al-Qur'an menegaskan bahawa dunia dan segala isinya adalah ciptaan Allah dan milik mutlakNya. Al-Quran juga menjelaskan bahawa kuasa pemerintahan tertinggi adalah Allah swt:



تَبَارَكَ الَّذِي بِيَدِهِ الْمُلْكُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ

“Maha Berkat (serta Maha Tinggilah kelebihan) Tuhan yang menguasai pemerintahan (dunia dan akhirat); dan memanglah Ia Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu”

(Surah al-Mulk, ayat 1-2.)

Di samping itu al-Qur’an juga menegaskan bahawa manusia dilantik oleh Allah sebagai khalifahNya di muka bumi. Lantaran itu mereka hendaklah menunaikan tugas-tugas khalifah ini sebagaimana yang telah ditetapkan oleh Allah dalam al-Qur’an:

الَّذِينَ إِنْ مَكَّنَّاهُمْ فِي الْأَرْضِ أَقَامُوا الصَّلَاةَ وَآتَوُا الزَّكَاةَ وَأَمَرُوا بِالْمَعْرُوفِ وَنَهَوْا عَنِ الْمُنْكَرِ وَاللَّهُ عَاقِبَةُ الْأُمُورِ

“Iaitu mereka (umat Islam) yang jika Kami berikan mereka kekuasaan memerintah di bumi nescaya mereka mendirikan sembahyang serta memberi zakat, dan mereka menyuruh berbuat kebaikan serta melarang dari melakukan kejahatan dan perkara yang mungkar. Dan (ingatlah) bagi Allah jualah kesudahan segala urusan” (Surah al-Hajj: 41)

وَأَنْزَلْنَا إِلَيْكَ الْكِتَابَ بِالْحَقِّ مُصَدِّقًا لِمَا بَيْنَ يَدَيْهِ مِنَ الْكِتَابِ وَمُهَيْمِنًا عَلَيْهِ فَاحْكُم بَيْنَهُمْ بِمَا أَنْزَلَ اللَّهُ وَلَا تَتَّبِعْ أَهْوَاءَهُمْ عَمَّا جَاءَكَ مِنَ الْحَقِّ لِكُلِّ جَعَلْنَا مِنْكُمْ شِرْعَةً وَمِنْهَاجًا وَلَوْ شَاءَ اللَّهُ لَجَعَلَكُمْ أُمَّةً وَاحِدَةً وَلَكِنْ لِيَبْلُوَكُمْ فِي مَا آتَاكُمْ فَاسْتَبِقُوا الْخَيْرَاتِ إِلَى اللَّهِ مَرْجِعُكُمْ جَمِيعًا فَيُنَبِّئُكُمْ بِمَا كُنْتُمْ فِيهِ تَخْتَلِفُونَ

“Dan Kami turunkan kepadamu (wahai Muhammad) Kitab (Al-Quran) dengan membawa kebenaran, untuk mengesahkan benarnya Kitab-kitab Suci yang telah diturunkan sebelumnya dan untuk memelihara serta mengawasinya. Maka jalankanlah hukum di antara mereka (Ahli Kitab) itu dengan apa yang telah diturunkan oleh Allah (kepadamu), dan janganlah engkau mengikut kehendak hawa nafsu mereka (dengan menyeleweng) dari apa yang telah datang kepadamu dari kebenaran. Bagi tiap-tiap umat yang ada di antara kamu, Kami jadikan (tetapkan) suatu Syariat dan jalan agama (yang wajib diikuti oleh masing-masing). Dan kalau Allah menghendaki nescaya Ia menjadikan kamu satu umat (yang bersatu dalam agama yang satu), tetapi Ia hendak menguji kamu (dalam menjalankan) apa yang telah disampaikan kepada kamu. Oleh itu berlumba-lumbalah kamu membuat kebaikan (beriman dan beramal soleh). Kepada Allah jualah tempat kembali kamu semuanya, maka Ia akan memberitahu kamu apa yang kamu berselisihan padanya” (Surah al-Ma’idah: 48)



يَا دَاوُودُ إِنَّا جَعَلْنَاكَ خَلِيفَةً فِي الْأَرْضِ فَاحْكُم بَيْنَ النَّاسِ بِالْحَقِّ
وَلَا تَتَّبِعِ الْهَوَىٰ فَيُضِلَّكَ عَنْ سَبِيلِ اللَّهِ إِنَّ الَّذِينَ يَضِلُّونَ عَنِ
سَبِيلِ اللَّهِ لَهُمْ عَذَابٌ شَدِيدٌ يَمَّا نَسُوا يَوْمَ الْحِسَابِ

“Wahai Daud, sesungguhnya Kami telah menjadikanmu khalifah di bumi, maka jalankanlah hukum di antara manusia dengan (hukum syariat) yang benar (yang diwahyukan kepadamu); dan janganlah engkau menurut hawa nafsu, kerana yang demikian itu akan menyesatkanmu dari jalan Allah. Sesungguhnya orang-orang yang sesat dari jalan Allah, akan beroleh azab yang berat pada hari hitungan amal, disebabkan mereka melupakan (jalan Allah) itu”

(Surah Sad: 26)

Ayat-ayat di atas memerintahkan manusia dan mereka yang dilantik menjadi pemimpin supaya melaksanakan segala kewajipan mereka dan berlaku adil sebagaimana yang telah diamanahkan oleh Allah swt kepada mereka. Manusia juga berkewajipan untuk bersyura sebagaimana firman Allah:

وَشَاوِرْهُمْ فِي الْأَمْرِ

“Bermesyuaratlah dengan mereka dalam satu-satu urusan”

(Surah Ali ‘Imran: 159)

dan firmanNya:

وَأْمُرْهُمْ شُورَىٰ بَيْنَهُمْ

“Dan urusan mereka hendaklah bermesyuarat di antara mereka”

(Surah al-Syura: 38)

Selain itu, mereka perlu memelihara hak-hak persamaan manusia:

لَا يَنْهَاكُمُ اللَّهُ عَنِ الَّذِينَ لَمْ يُقَاتِلُوكُمْ فِي الدِّينِ وَلَمْ يُخْرِجُوكُمْ مِّنْ
دِيَارِكُمْ أَنْ تَبَرُّوهُمْ وَتُقْسِطُوا إِلَيْهِمْ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُقْسِطِينَ *
إِنَّمَا يَنْهَاكُمُ اللَّهُ عَنِ الَّذِينَ قَاتَلُوكُمْ فِي الدِّينِ وَأَخْرَجُوكُمْ مِّنْ
دِيَارِكُمْ وَظَاهَرُوا عَلَىٰ إِخْرَاجِكُمْ أَنْ تَوَلَّوْهُمْ وَمَنْ يَتَوَلَّهُمْ فَأُولَٰئِكَ
هُمُ الظَّالِمُونَ

Artinya: “Allah tidak melarang kamu untuk berbuat baik dan berlaku adil terhadap orang-orang yang tidak memerangimu karena agama dan tidak pula menghalau kamu dan negerimu. Sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang berlaku adil. Sesungguhnya Allah hanya melarang kamu menjadikan sebagai kawanmu orang-orang yang memerangi kamu karena agama dan menghalau kamu dari negerimu dan membantu orang lain untuk



menghalaumu. Dan sesiapa menjadikan mereka sebagai kawan, maka mereka itulah orang-orang yang zalim” (Surah al-Mumtahanah: 8-9).

Al-Qur’an juga menggariskan asas-asas hubungan luar:

أَذِنَ لِلَّذِينَ يُقَاتَلُونَ بِأَنَّهُمْ ظَلَمُوا وَإِنَّ اللَّهَ عَلَىٰ نَصْرِهِمْ لَقَدِيرٌ *
الَّذِينَ أَخْرَجُوا مِن دِيَارِهِمْ بِغَيْرِ حَقٍّ إِلَّا أَنْ يَقُولُوا رَبَّنَا اللَّهُ وَلَوْلَا
دَفْعُ اللَّهِ النَّاسَ بَعْضَهُم بِبَعْضٍ لَّهُدَمَتِ سَوَامِعٌ وَبِيَعٌ وَصَلَوَاتٌ
وَمَسَاجِدٌ يُذَكَّرُ فِيهَا اسْمُ اللَّهِ كَثِيرًا وَلَيَنْصُرَنَّ اللَّهُ مَن يَنْصُرُهُ إِنَّ
اللَّهَ لَقَوِيٌّ عَزِيزٌ

Diizinkan berperang bagi orang-orang (Islam) yang diperangi (oleh golongan penceroboh), kerana sesungguhnya mereka telah dianiaya; dan sesungguhnya Allah Amat Berkuasa untuk menolong mereka (mencapai kemenangan). Iaitu mereka yang diusir dari kampung halamannya dengan tidak berdasarkan sebarang alasan yang benar, (mereka diusir) semata-mata kerana mereka berkata: "Tuhan kami ialah Allah". Dan kalaulah Allah tidak mendorong setengah manusia menentang pencerobohan setengahnya yang lain, nescaya runtuhlah tempat-tempat pertapaan serta gereja-gereja (kaum Nasrani), dan tempat-tempat sembahyang (kaum Yahudi), dan juga masjid-masjid (orang Islam) yang sentiasa disebut nama Allah banyak-banyak padanya dan sesungguhnya Allah akan menolong sesiapa yang menolong ugamaNya (ugama Islam); sesungguhnya Allah Maha Kuat, lagi Maha Kuasa

(Surah al-Hajj: 39-40)

وَقَاتِلُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ الَّذِينَ يُقَاتِلُونَكُمْ وَلَا تَعْتَدُوا إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ
الْمُعْتَدِينَ * وَأَقْتُلُوهُمْ حَيْثُ تَقْتُلُوهُمْ وَأَخْرَجُوهُمْ مِّنْ حَيْثُ
أَخْرَجُوكُمْ وَالْفِتْنَةُ أَشَدُّ مِنَ الْقَتْلِ وَلَا تُقَاتِلُوهُمْ عِنْدَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ
حَتَّىٰ يُقَاتِلُوكُمْ فِيهِ فَإِن قَاتَلُوكُمْ فَاقْتُلُوهُمْ كَذَلِكَ جَزَاءُ الْكَافِرِينَ *
فَإِنِ انْتَهَوْا فَإِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ

“Dan perangilah kerana (menegakkan dan mempertahankan) agama Allah akan orang-orang yang memerangi kamu, dan janganlah kamu menceroboh (dengan memulakan peperangan); kerana sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang menceroboh. Dan bunuhlah mereka (musuh yang memerangi kamu) di mana sahaja kamu dapati mereka, dan usirlah mereka dari tempat yang mereka telah mengusir kamu; dan (ingatlah bahawa angkara fitnah itu lebih besar bahayanya daripada pembunuhan dan janganlah kamu memerangi mereka di sekitar masjid Al-Haram sehingga mereka memerangi kamu di situ. Oleh itu kalau mereka memerangi kamu (di situ), maka bunuhlah mereka. Demikianlah balasan bagi orang-orang yang kafir. Kemudian jika mereka berhenti memerangi kamu (maka berhentilah kamu); kerana sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.” (Surah al-Baqarah: 190-193)



وَقَاتِلُوهُمْ حَتَّى لَا تَكُونَ فِتْنَةٌ وَيَكُونَ الدِّينُ كُلُّهُ لِلَّهِ فَإِنِ انْتَهَوْا فَإِنَّ اللَّهَ بِمَا يَعْمَلُونَ بَصِيرٌ

"Dan perangilah mereka sehingga tidak ada lagi fitnah, dan (sehingga) menjadilah agama itu seluruhnya (bebas) bagi Allah semata-mata. Kemudian jika mereka berhenti (dari kekufurannya dan gangguannya, nescaya mereka diberikan balasan yang baik) kerana sesungguhnya Allah Maha Melihat akan apa yang mereka kerjakan"

(Surah al-Anfal: 39)

وَإِن جَنَحُوا لِلسَّلْمِ فَاجْنَحْ لَهَا وَتَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ

"Dan jika mereka (pihak musuh) cenderung kepada perdamaian, maka engkau juga hendaklah cenderung kepadanya serta bertawakal kepada Allah. Sesungguhnya Dia Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui"

(Surah al-Anfal: 61)

وَإِن تَكُونُوا أَيْمَانَهُمْ مِّن بَعْدِ عَهْدِهِمْ وَطَعْنُوا فِي دِينِكُمْ فَقَاتِلُوا أُمَّةَ الْكُفْرِ إِنَّهُمْ لَا أَيْمَانَ لَهُمْ لَعَلَّهُمْ يَنْتَهُونَ * لَا تُقَاتِلُون قَوْمًا تَكُونُوا أَيْمَانَهُمْ وَهَمُّوا بِإِخْرَاجِ الرَّسُولِ وَهُمْ بَدُّوْكُمْ أَوَّلَ مَرَّةٍ أَتَخْشَوْنَ اللَّهَ أَحَقُّ أَنْ تَخْشَوْهُ إِن كُنْتُمْ مُؤْمِنِينَ

"Dan jika mereka mencabuli sumpahnya sesudah mengikat perjanjian setia, dan mereka pula mencela agama kamu, maka perangilah ketua-ketua dan pemimpin-pemimpin kaum yang kafir itu, kerana sesungguhnya mereka tidak menghormati sumpah janjinya, supaya mereka berhenti (dari kekufuran dan bertaubat). Mengapa kamu tidak memerangi suatu kaum yang telah mencabuli sumpah janjinya, dan mereka pula telah berazam hendak mengusir Rasulullah, dan merekalah juga yang mula-mula memerangi kamu? Tidak patut kamu takut kepada mereka (sehingga kamu tidak mahu memeranginya) kerana Allah jualah yang berhak kamu takuti (melanggar perintahNya), jika betul kamu orang-orang yang beriman?"

(Surah al-Taubah: 12-13)

Keadilan ini juga akan terlaksana sekiranya pemilihan kepimpinan dilaksanakan oleh umat sebagaimana yang ditunjukkan oleh syara' iaitu melalui kaedah *syura* dan *bai'ah Ahli al-Hall wa al-'Aqd* yang memenuhi syarat-syaratnya. Keadilan Islam hanya akan terlaksana sekiranya kepimpinan sesebuah negara beriman terhadap tanggungjawab sebagai khalifah dan tanggungjawab melaksanakan pengabdian diri sepenuhnya kepada Allah SWT.

Apa yang ingin ditonjolkan di sini ialah Allah swt telah menggariskan asas-asas penting sebagai panduan dan rujukan umat Islam dalam mentadbir sesebuah kerajaan. Sebaliknya Allah swt tidak menggariskan sistem hidup dan prosedur-prosedur



perlaksanaannya secara terperinci dengan menyempitkan ruang ijtihad kepada manusia. Syariat seumpama ini telah memberi ruang yang luas kepada umat untuk menyusun sistem hidup mereka sesuai dengan perkembangan kehidupan, penemuan-penemuan ilmu dan teknologi dan budaya hidup mereka selagi ianya tidak terkeluar daripada batasan syara'. Perlu ditegaskan bahawa keadilan hidup untuk manusia sejagat hanya dapat ditegakkan sekiranya manusia menghormati asas-asas yang telah digariskan oleh Allah swt ini.



RUJUKAN UTAMA

1. Muhammad Abu Zahra, *Tarikh Madhahib al-Islamiyyah fi al-Siyasah wa al-'Aqidah*, Dar al-Fikr al-'Arabi, Beirut, t.t.
2. Najih Ibrahim bin Abdullah, *The Ordinances of the People of the Covenant and the Minorities in an Islamic State*, Balagh Magazine, Cairo, Egypt, Volume 944, May 29, 1988; Volume 945, June 5, 1988.
3. Sayyid Abul A'la Mawdudi, *Rights of Non-Muslims in Islamic State*, Islamic Publications Ltd., Lahore, Pakistan, 1982.
4. *Pembentukan Daulah Nubuwwah*, <http://siasahharokiah.wordpress.com/daulah-nubuwwah/>
5. *The First Written Constitution in the World*, Muhammad Ashraf, 2nd Revised Edition, Lahore, Pakistan, 1968.